

22 MAR 2000

PERBICARAAN KES LIWAT ANWAR IBRAHIM DISAMBUNG ESOK

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Perbicaraan kes liwat bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja ditangguh sehingga esok.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Rozilah Salleh mengumumkan penangguhan itu di Mahkamah Tinggi di sini pada pukul 10 pagi.

Kes itu dijadual disambung hari ini selepas ditangguh 21 Feb lepas.

Peguam utama Anwar, Christopher Fernando memberitahu pemberita bahawa penangguhan itu dilakukan kerana beberapa orang peguam kes Anwar terbabit dalam kes rayuan peguam Zainur Zakaria di Mahkamah Rayuan.

Zainur membuat rayuan terhadap sabitan dan hukuman penjara tiga bulan yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi ke atasnya pada 30 Nov 1998 kerana menghina mahkamah.

Fernando berkata mereka sepatutnya mengemukakan hujah-hujah mengenai isu kewajaran keterangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perbicaraan kes liwat itu.

Anwar, 52, dibicarakan bersama-sama dengan ahli perniagaan Sukma Darmawan, 39, atas tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, bekas pemandu keluarga Anwar.

Sukma juga menghadapi satu lagi pertuduhan iaitu bersubahat dengan Anwar meliwat Azizan.

-- BERNAMA

NHD LAT